

**Pembangking baru berjanji, Kerajaan Pusat sudah pun mansuhkan
Utusan Online
03 Mac, 2012
Oleh Azman Anuar**

DI dalam Buku Jingga ilham pakatan pembangkang, semua lebuh raya bertol di Malaysia mahu dimansuhkan. Bagus sungguh idea tersebut. Mana ada rakyat Malaysia yang suka dan rela bayar tol.

Tapi kita perlu ingat, bermacam-macam idea yang sedap didengar ini dicanangkan oleh pemimpin PKR, DAP dan Pas semata-mata mahu undi rakyat.

Belum tentu apa yang digembar-gembur ini akan ditunaikan selepas menang pilihan raya. Tengoklah apa yang dijanjikan kerajaan pakatan pembangkang di Selangor.

Sebelum menang, mereka berjanji akan menamatkan bayaran tol jika berjaya menawan Selangor. Tapi bila sudah menang dan berkuasa, ada sahaja dalih mereka. Alasan utama adalah tanggungjawab itu dikatakan di luar bidang kuasa kerajaan negeri PKR. Mereka campak beban itu kepada Kerajaan Pusat kerana sedar bidang kuasa dan kemampuan mereka kecil.

Rakyat kini tidak perlu tertunggu-tunggu janji-janji pemimpin pembangkang ditunaikan – sebab di bawah pentadbiran Datuk Seri Najib Tun Razak pemansuhan tol telah dilaksanakan. Ia dibuat secara berperingkat-peringkat.

Tahun lalu pemansuhan kutipan tol dilakukan di plaza tol Cheras dan Petaling Jaya di Lebuhraya Hubungan Timur-Barat (Metramac).

Terbaru, masalah kadar bayaran tol di Lebuhraya Cheras-Kajang yang dikatakan membebaskan pengguna laluan itu sudah berakhir semalam, 2 Mac 2012.

Penghapusan sebanyak 50 peratus daripada kadar tol sedia ada melegakan pengguna kerana perlu membayar sebanyak RM1.90 berbanding RM3.80 setiap kali berulang-alik ke Kuala Lumpur dan Kajang, sebelum ini.

Ia sebagai hadiah daripada kerajaan kepada rakyat khususnya pengguna terbabit. Nampaknya apa yang diusahakan oleh kerajaan Barisan Nasional sejak 2009 kini berhasil.

Pemansuhan tol ini juga adalah janji yang pernah diungkapkan Perdana Menteri pada 21 Ogos 2011 supaya Jabatan Kerja Raya mengkaji kadar tol di lebuhraya itu untuk meringankan beban pengguna.

Kini jelas, pemansuhan tol yang diumumkan oleh Najib bukan meniru Buku Jingga.

Sebab itu, jangan ada pihak tertentu yang buat 'tuntutan' semua ini hasil usaha mereka terutama pembangkang. Dan bila perkara kurang baik berlaku kepada pihak mereka, semua ini akan dituduh sebagai perbuatan jahat dan konspirasi daripada musuh mereka.

Ingatlah, untuk memansuhkan atau mengurangkan bayaran tol bukan kerja mudah. Ia memerlukan perundingan dengan syarikat konsesi dan kajian secara terperinci dilakukan.

Biarpun ia mengambil masa, masalah dan kepayahan hidup rakyat dapat diringankan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Setelah permasalahan rakyat dengan tol lebih terarah sebelah Cheras dan Kajang di Lembah Klang ini, apa kata Kerajaan Pusat mempertimbangkan beban yang terpaksa dipikul oleh warga Shah Alam dan Klang pula.

Saban hari penduduk di sekitar Shah Alam dan Klang terpaksa membayar sebanyak RM4.20 untuk berulang alik dari kediaman mereka sekiranya bekerja di ibu kota.

Guna laluan mana sekalipun untuk ke ibu negara, mereka perlu membayar tol. Jika mengguna Lebu Raya Baru Pantai (NPE), Lebu Raya Shah Alam (Lebu Raya Kesas) dan Lebu Raya Lembah Kelang Baru (NKVE) atau Lebu Raya Damansara Puchong, semua kena 'sekatan' tol.

Lebu Raya Persekutuan adalah lebu raya paling tua di Lembah Klang sekarang sejak mula beroperasi pada 1974. Mungkin sudah tiba masanya Kerajaan Pusat membuat kajian untuk memansuhkan terus bayaran tol di laluan sibuk ini.

Pemansuhan tol terutama di laluan yang sudah lama beroperasi perlu juga diberi perhatian.

Kita percaya kerajaan sekarang mengutamakan rakyat. Pemimpin akan mendengar keluh resah rakyat dan berusaha mencari jalan penyelesaian terbaik tanpa merugikan mana-mana pihak. Dalam konteks lebu raya bertol, kerajaan pasti mahu melihat golongan peniaga dan pengguna sama-sama untung.

Pendekatan ini berbeza dengan pembangkang. Mereka gemar menggunakan pendekatan populis dengan menaburkan pelbagai janji manis tanpa memikirkan kesannya. Mereka tabur janji-janji menggunung kerana bukan mereka yang mengurus ekonomi. Lihatlah contoh apa yang berlaku kepada janji-janji pakatan pembangkang di Selangor.

Kelmarin, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng mengulangi kenyataannya bahawa pakatan pembangkang akan memansuhkan tol di Projek Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) dan di Jambatan Pulau Pinang sekiranya gabungan itu memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13.

Bolehkah janji demi janji seumpama ini diterima oleh rakyat lagi? Pembangkang jika boleh mahu turunkan itu dan ini, mahu beri percuma semua benda, sedangkan banyak lagi janji lama yang belum ditunaikan.

Jadi jangan percaya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0303&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm